

**Petroleum: Penubuhan Jawatankuasa Khas Tanda Ketelusan Kerajaan Untuk Rakyat - Nor Mohamed Bernama
4 Ogos, 2012**

BUTTERWORTH, 4 Ogos (Bernama) -- Penubuhan Jawatankuasa Khas bagi mengkaji isu bayaran tunai daripada hasil petroleum memperlihatkan ketelusan kerajaan persekutuan dalam pengagihan hasil secara adil untuk kesejahteraan rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata dengan penubuhan jawatankuasa khas itu, isu berhubung bayaran tunai daripada hasil petroleum dapat dikaji dari semua aspek dan dilihat secara objektif.

"Ini menunjukkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan kerajaan persekutuan tidak ada yang hendak disembunyikan, ia harus dibincang secara rasional.

"Penubuhan jawatankuasa khas ini juga satu langkah yang positif untuk mencari penyelesaian," katanya kepada pemberita di sini hari Sabtu.

Perdana Menteri hari ini mengumumkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Khas yang akan mengkaji secara adil dan telus berhubung isu bayaran tunai daripada hasil petroleum kepada negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685666>